

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Polis siasat isu surat layang di HRPB

Ipoh: Polis kini menjalankan siasatan berhubung penularan surat layang yang mendakwa salah laku termasuk gangguan seksual dan ugutan membabitkan kakitangan Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini.

Ketua Polis Daerah Ipoh Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, siasatan dibuat apabila polis menerima laporan pengadu berusia 43 tahun, kelmarin yang mendakwa namanya difitnah.

Menurutnya, siasatan awal mendapati surat layang yang tersebar itu menuuduh pengadu serta

beberapa kakitangan lain melakukan perbuatan terkutuk terhadap kakitangan terdiri daripada beberapa doktor pelatih di Jabatan Ortopedik hospital sama.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Polis menasihatkan orang ramai agar tidak sewenangnya mengeluarkan kenyataan berunsur khabar angin atau fitnah yang boleh menjejaskan kredibiliti seseorang," katanya dalam satu kenyataan, malam kelmarin.

Katanya, orang ramai mempunyai maklumat berkaitan kejadian diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Asisten Superintendan Fadli Ahmad di talian 019-2500019 untuk membantu siasatan.

Terdahulu, Pengarah Kesihatan Negeri Perak Dr Feisul Idzwan Mustapha berkata, pihaknya menubuhkan Jawatankuasa Penyiasatan Bebas susulan dakwaan tular menerusi surat layang berkenaan.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui JKN Perak mengesahkan penerimaan surat layang terbabit melalui

pos pada 28 Februari lalu.

"KKM memandang pertuduhan (melalui surat layang) ini sebagai sangat serius dan mempunyai toleransi sifar terhadap gangguan seksual di tempat kerja," katanya dalam kenyataan dikongsi melalui Facebook (FB) rasmi JKN Perak serta FB HRPB, kelmarin.

Sebelum ini, surat layang itu tular apabila pengguna laman sosial X, @azilzhkim memuat naik hantaran berupa gambar surat layang hingga mendapat 1.4 juta tontonan dan lebih 6,800 ulang hantar.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NEGARA

Rimas ejen masuk hospital kerajaan jual insurans

SAUDARA PENGARANG

BARU-BARU ini, anak saya dirawat di wad orthopedik sebuah hospital kerajaan di Selangor.

Dukacita apabila ejen insurans dilihat bebas masuk hospital dengan berpura-pura melawat mangsa tanpa mengira bangsa.

Mereka dilihat aktif menjual insurans kepada waris pesakit tanpa mengira waktu, asalkan dapat komisen.

Ejen-ejen terbabit juga sering melepak di kerusi bahagian depan hospital berjam-jam sehingga pelawat


lain tidak dapat duduk.

Saya tidak tahu sama ada perkara ini turut berlaku di hospital kerajaan lain. Bagaimanapun, tindakan membenarkan ejen insurans masuk ke dalam wad-wad hospital betul-betul merimaskan.

Berkemungkinan ada pihak tertentu yang membenarkan ejen-ejen insurans ini memasuki hospital.

Saya mohon pengawal keselamatan digantikan dengan polis bantuan dalam usaha mengawal kegiatan ini.

AMEERA
Shah Alam



TINDAKAN segelintir ejen menjual insurans di hospital telah mengganggu pesakit dan waris mereka. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NEGERI

Muntah termakan martabak 'inti' lipas

Wanita dakwa beli di gerai popular dalam kalangan penduduk

Oleh HAZELN LIANA
KAMARUDIN
KUALA KRAI

Seorang wanita memuntahkan kembali martabak yang dimakannya semasa sahur selepas mendapati terdapat seekor lipas dalam inti juadah itu pada Ahad.

Dia yang hanya ingin dikenali sebagai Azie, 30-an membeli lima biji martabak di sebuah gerai di Guchil di sini pada petang Sabtu.

Menurutnya, semasa mengunyah martabak itu, dia berasa pelik kerana terasa rangup dan terkejut apabila mendapati makanan dikunyah itu ialah seekor lipas.

"Saya terus muntah dan hilang selera makan kerana terbayang lipas berada di dalam mulut. Sangat



Seorang wanita di Kuala Krai mendakwa termakan martabak yang intinya mengandungi lipas pada Ahad. *Gambar hiasan*

menggelikan," katanya di sini pada Ahad.

Tambah Azie, dia tidak sempat merakam sebarang gambar kerana mengalami muntah yang teruk.

Ibu kepada seorang anak itu mendakwa, martabak tersebut dibeli pada harga RM5 sebiji.

Ujarnya, setiap kali Ramadan kedai tersebut sentiasa menjadi pilihan dia dan keluarga kerana martabak

yang dijual sedap dan sememangnya popular dalam kalangan penduduk setempat.

Azie memberitahu, dia tidak mempunyai perancangan untuk membuat aduan atau memaklumkan kejadian itu kepada tuan kedai.

"Cukuplah saya boikot kedai itu selepas ini. Saya berharap peniaga yang menjual makanan akan lebih berhati-hati dan menitikberatkan soal kebersihan," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : DALAM NEGERI

Doktor didakwa lakukan gangguan seksual buat laporan polis

IPOH: Seorang doktor lelaki yang didakwa membuat gangguan seksual terhadap doktor pelatih di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini tampil membuat laporan polis.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Yahaya Hassan berkata, pengadu berusia 43 tahun yang juga bertugas di hospital sama berbuat demikian semalam.

"Laporan dibuat berkaitan penulisan surat layang di laman media sosial yang telah memburukkan nama pengadu.

"Siasatan awal mendapati surat layang yang tersebar itu menuduh pengadu dan beberapa kakitangan lain melakukan perbuatan tersebut terhadap doktor pelatih yang bertugas di Jabatan Ortopedik HRPB.

"Sehubungan itu, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan kerana mengeluarkan kenyataan berunsur fitnah dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian," katanya di sini.

Menurutnya, orang ramai yang mempunyai maklumat kejadian diminta tampil membantu siasatan dengan menghubungi pegawai penyiasat kes, Asisten Superintenden Fadli Ahmad di talian 019-2500019.

"Orang ramai dinasihatkan tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan berunsur khabar angin dan fitnah yang boleh menjejaskan kredibiliti seseorang," katanya.

Terdahulu, tular di laman



Orang ramai dinasihatkan tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan berunsur khabar angin dan fitnah yang boleh menjejaskan kredibiliti seseorang."

media sosial mengenai surat mengandungi dakwaan beberapa doktor pelatih wanita di Jabatan Ortopedik HRPB dikatakan sering diganggu secara seksual oleh seorang doktor lelaki.

Menurut surat berke-naan, doktor terbabit sering mengambil kesempatan dengan meraba, menyentuh bahagian tali baju dalam, mencubit badan dan paha selain bercakap lucah.

Selain itu, doktor terbabit juga didakwa mengugut mangsa untuk memanjangkan tempoh latihan walaupun tidak diberi kuasa berbuat demikian.

Susulan penyebaran surat layang itu, Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) telah menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan bebas bagi menyiasat dakwaan berkenaan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEWS/NATION

SEXUAL HARASSMENT ACCUSATION

Ipoh doctor lodges report on poison pen letter

KUALA LUMPUR: A government hospital doctor has lodged a police report on a poison pen letter accusing him of sexual harassment.

According to Bernama, the doctor, 43, from Ipoh's Hospital Raja Permaisuri Bainun, lodged the report on Saturday.

This comes after the Perak Health Department said it was probing allegations of sexual harassment against a doctor at the hospital.

The probe was launched after the department received a poison pen letter on Feb 28.

On Saturday, Ipoh police chief

Assistant Commissioner Yahaya Hassan said the poison pen letter alleged the doctor and other staff had acted inappropriately towards several housemen at the hospital's Orthopaedic Department.

The case is being investigated under Section 500 of the Penal Code for defamation and Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 for improper use of network facilities.

"Those with information on the case can contact investigating officer Assistant Superintendent Fadli Ahmad at 019-2500019."